

DATE: 29/01/2008

# Kecekapan Malaysia keenam terbaik dunia


## Pentadbiran kita diiktiraf atasi United Kingdom, Jerman, Jepun

Oleh Wan Hazmir Bakar  
dan Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Kecekapan kerajaan Malaysia kini adalah yang keenam terbaik di dunia, mengatasi beberapa negara maju seperti United Kingdom, Jerman, Jepun, Russia dan Perancis, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Merujuk *World Competitiveness Year Book* bagi kategori negara berpenduduk lebih 20 juta yang diterbitkan IMD, iaitu institusi pengajian perniagaan terkemuka berpangkalan di Switzerland, Perdana Menteri berkata, ia adalah peningkatan daripada kedudukan kelapan pada 2000.

Katanya, Malaysia juga diletakkan di tangga keempat dari segi kecekapan perniagaan tahun lalu, berbanding kedudukan ke-13 pada 2000, manakala laporan Sekretariat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pula menyenaraikan negara sebagai ekonomi perdagangan ke 19 terbesar dunia.



BH-29/1/2008

**P**UTRAJAYA: Perancangan awal Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) menunjukkan pelbagai program pembangunan di bawah Misi Nasional yang dilaksanakan ke-10. Rancangan sudah mula memberikan kesan positif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kajian Pelidik Pendapatan Isi Rumah yang dilaksanakan Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) menunjukkan kadar kemiskinan tegar berjaya diturunkan dari 1.2 peratus pada 2004 kepada 0.7 peratus tahun lalu.

Beliau berkata, kajian itu juga menunjukkan pelbagai inisiatif dilaksanakan kerajaan membantu menuruhkan kadar kemiskinan negara daripada 5.7 peratus kepada 3.5 peratus sepanjang tempoh berkenaan.

Abdullah yang juga Menteri Ke-

Wangian berkata, nisbah jurang pendapatan antara luar bandar dan bandar pula berkurangan daripada 1:2.11 pada 2004 kepada 1:1.99 tahun lalu, iaitu pencapaian tiga tahun lebih awal berbanding sasaran pada akhir Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Sepanjang tempoh itu, nisbah jurang pendapatan antara kaum turut berkurangan iaitu daripada 1:1.64 kepada 1:1.52 bagi Bumiputera dan Cina, daripada 1:1.27 kepada 1:1.23 (Bumiputera dan India); dan daripada

1:1.28 kepada 1:1.23 (India dan Cina).  
"Kajian EPU itu akan dimuktamadkan Mac ini namun saya cukup yakin angka muktamad nanti akan menunjukkan perkembangan positif," katanya berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam 2008 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.  
Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan.

LIHAT MUKA 2